

Newspaper	Berita Harian
Date	22 January 2016

Pemimpin UMNO Kedah temui Najib hari ini

BH-22/1/2016

Alor Setar: Kepemimpinan UMNO Kedah dijadual bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, petang ini dipercayai mempunyai kaitan dengan kemelut politik yang melanda negeri ketika ini.

Pertemuan pada jam 4 petang di Menara Dato Onn, Kuala Lumpur itu dijangka turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN),

EXCO kerajaan negeri serta 14 daripada 15 ketua UMNO bahagian.

Motif utama

Sumber dalaman UMNO Kedah ketika dihubungi mengesahkan perkara itu, namun motif utama mesyuarat terbabit diadakan tidak dinyatakan.

Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO negeri, Datuk

Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, ketika dihubungi BH mengesahkan akan berjumpa dengan Perdana Menteri hari ini, namun tidak mengulas lanjut.

"Saya tak mahu buat kenyataan hari ini. Tunggulah esok sebab saya nak kena jumpa bos (Perdana Menteri) di Kuala Lumpur," katanya yang juga Ketua UMNO Bahagian Alor Setar.